

Ekuinas sasar pelaburan RM600j

KUALA LUMPUR – Ekuini Nasional Bhd. (Ekuinas) yakin ia berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai sasaran pelaburan bernilai RM500 juta sehingga RM600 juta pada tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahman Ahmad berkata, keadaan ekonomi negara yang kukuh dijangka menjadi faktor utama pemacu pencapaian itu.

“Kadar pelaburan tahun ini dilihat lebih baik berbanding tahun sebelum yang agak perlahan.

“Kami berharap dapat memenuhi sasaran ini memandangkan pencapaian sehingga kini telah mencecah kepada kira-kira RM400 juta.

“Kami juga sedang melihat syarikat-syarikat berpotensi dan menilai pilihan pelaburan yang ada.

“Peluang pelaburan ini perlu memenuhi kriteria dan garis panduan yang ditetapkan, malah kami juga mahu memastikan ia menawarkan kadar pertumbuhan dan

pulangan yang baik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada *Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014* di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda dan Pengerusi Kumpulan Simpanan Wang Pekerja, Tan Sri Samsudin Osman.

Pada bulan Ogos lalu Ekuinas telah mengumumkan pelaburan sulung bagi tahun kewangan 2014 yang bernilai hampir RM400 juta untuk dua buah syarikat tempatan bagi tujuan memperluaskan portfolio minyak dan gas (O&G) serta makanan dan minuman (F&B) yang dimiliki.

Syarikat tersebut ialah Orkim Sdn. Bhd., sebuah syarikat kapal tangki produk petroleum bersih dengan pelaburan bernilai RM346.3 juta dan RM50.8 juta untuk rangkaian manisan dan minuman CoolBlog.


Kini, jumlah pelaburan keseluruhan Ekuinas telah mencecah kepada RM2.3 bilion dalam 28 buah syarikat yang merangkumi sektor F&B, O&G, pendidikan, barang pengguna laris, logistik dan runcit.

“Dengan tempoh pegangan pelaburan antara tiga hingga lima tahun, kami percaya ia mencukupi dalam mewujudkan nilai bagi syarikat-syarikat terbabit,” ujarnya.

Menyentuh mengenai pelaburan ekuiti persendirian di negara ini, Abdul Rahman berkata, sungguhpun sektor tersebut menawarkan potensi perniagaan yang besar namun masih tidak banyak pihak yang memperuntukkan modal ke dalamnya.

“Pengetahuan mengenai ekuiti persendirian masih kurang dengan pelaburan domestik banyak memberi tumpuan terhadap pelaburan kecairan awam dan hartanah.

“Oleh itu, menerusi forum hari ini (semalam), kami berharap da-



ABDUL RAHMAN (kanan) berbual dengan Abdul Wahid (tengah) dan Arshad di Kuala Lumpur semalam.

pat mengembangkan industri ini dan meningkatkan pengetahuan tentang manfaat serta peluang yang boleh dicapai melaluiinya,” kata beliau.

Tambahnya, sungguhpun pelaburan ekuiti persendirian lebih be-

risiko, tidak cair dan tempoh yang lebih lama, namun ia menawarkan pulangan yang lebih signifikan.

“Purata pulangan pelaburan ini ialah 15 peratus setahun berbanding pendapatan atau deposit tetap,” jelasnya.